



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS *TOPPING OFF* RESIDENSI SKYAWANI II OLEH YB MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**RESIDENSI SKYAWANI II,
NO. 1A, JALAN 2/12
KAMPUNG BATU MUDA
WP KUALA LUMPUR**

14 MAC 2019 (KHAMIS) / JAM 1.00 PETANG

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)

**YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Hj. Mahadi bin Che Ngah
Pengarah Eksekutif (Perancangan)
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

**YBhg. Datuk Ng Thien Phing
Pengarah Urusan Kumpulan SkyWorld**

Pegawai dan kakitangan SkyWorld Development Sdn Bhd

Rakan-Rakan Media

Tuan-tuan, puan-puan dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- 1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.**
- 2. Saya ucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Ng Thien Phing daripada Syarikat SkyWorld Development Sdn Bhd di atas jemputan bagi merasmikan Majlis *Topping Off* Residensi SkyAwani II pada hari ini. Perasmian majlis ini adalah satu tanda kejayaan awal pelaksanaan Residensi SkyAwani II di bawah Program Residensi Wilayah apabila ia telah mencapai tahap siap "*super-structure*" sepenuhnya.**
- 3. Saya difahamkan bahawa projek ini merupakan projek Residensi Wilayah yang kedua oleh pihak SkyWorld selepas Residensi SkyAwani yang terletak di Sentul. Projek Residensi Skyawani II ini adalah merupakan projek pembangunan bercampur di atas tanah berkeluasan 2.78 ekar yang melibatkan sejumlah 708 unit Residensi Wilayah berharga RM300,000 seunit dengan keluasan lantai 800 kaki persegi. Pembangunan Residensi SkyAwani II selain dilengkapi dengan kemudahan bertaraf kondominium turut juga disertakan dengan pembangunan unit-unit komersial serta lot-lot pejabat yang secara tidak langsung akan meningkatkan nilai hartanah kepada mereka yang membelinya.**
- 4. Saya juga dimaklumkan bahawa kesemua unit kediaman Residensi Skyawani II ini telah berjaya dijual sepenuhnya semenjak pelancarannya pada Disember 2016 yang lalu. Untuk itu, tahniah saya ucapkan kepada pihak SkyWorld, Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan**

Bandaraya Kuala Lumpur di atas usaha dan perancangan yang dijalankan bagi memastikan jualan kediaman ini diselesaikan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

- 5. Kita semua sedia maklum bahawa Sistem Penilaian Kualiti Pembinaan (QLASSIC) yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) merupakan piawaian standard bagi mengukur tahap kualiti pembangunan di negara ini. Projek-projek yang telah mendapat pengiktirafan QLASSIC pastinya adalah projek yang berkualiti tinggi.**
- 6. Saya dimaklumkan bahawa, Residensi SkyAwani 2 ini juga akan melalui pemeriksaan QLASSIC pada bulan Jun nanti. Langkah ini seharusnya dipuji dan wajar dicontohi pemaju Residensi Wilayah lain supaya aspek kualiti diberi penekanan dalam binaan mereka. Saya percaya projek Residensi Wilayah yang dibangunkan ini akan meningkat tinggi nilai pasarannya dan merupakan sesuatu yang boleh dikatakan '*value for money*' kepada pembeli-pembelinya.**
- 7. Mengikut perancangan, projek Residensi SkyAwani II ini boleh disiapkan pada tahun 2019 ini. Dengan prestasi cemerlang dan dedikasi yang ditunjukkan oleh pihak pemaju, saya percaya projek Residensi SkyAwani II ini akan mengulangi kejayaan yang telah dicapai sepertimana projek Residensi SkyAwani yang terdahulu.**
- 8. Dalam pada itu, pihak SkyWorld turut mempunyai beberapa lagi projek Residensi Wilayah dengan jumlah keseluruhan setakat ini hampir 5,600 unit. Sebahagian daripadanya telah kita buka permohonan melalui Residensi SkyAwani 3 dan bakinya sedang di peringkat perancangan untuk dibuka kepada orang awam dalam masa terdekat.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Kerajaan amat prihatin terhadap keluh kesah yang diutarakan oleh rakyat dan akan sentiasa melakukan penambahbaikan yang positif dalam memastikan kediaman Residensi Wilayah yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan rakyat dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai. Oleh itu, saya amat menggalakkan supaya pemaju-pemaju perumahan untuk membangunkan Residensi Wilayah dengan keluasan 900 kaki persegi namun masih mengekalkan harga supaya tidak melebihi RM300,000. Kediaman yang lebih luas akan memberi lebih keselesaan kepada penghuninya dan sekaligus akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan hidup rakyat.

10. Selain itu juga, bagi memastikan aspek kualiti pembinaan Residensi Wilayah yang terbaik, dengan mengambil contoh kejayaan pelaksanaan projek-projek Residensi Wilayah oleh SkyWorld, saya juga berharap supaya projek perumahan Residensi Wilayah yang akan datang akan melaksana dan memperoleh pengiktirafan QLASSIC supaya kualiti pembinaan projek pada tahap yang tertinggi dan memberikan kepuasan kepada para pembeli.

Penutup

11. Sebagai penutup kata, saya ucapkan tahniah kepada SkyWorld di atas penganugerahan '*Top Ranked Developer of The Year in Malaysia*' yang dianugerahkan oleh StarProperty pada minggu lepas. Tahniah juga diucapkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan program Residensi Wilayah ini. Diharapkan SkyWorld akan terus cemerlang dan muncul sebagai salah satu pemaju yang terunggul dalam industri pembinaan negara. Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini merasmikan Majlis *Topping Off* Residensi SkyAwani II. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.